

16/08/1998

Mahathir ajak rakyat jayakan KL '98

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat Malaysia memberi sokongan penuh terhadap Kuala Lumpur '98 Sukan Komanwel XVI bulan depan kerana pengalaman menganjurkan kejohanan kedua terbesar dunia itu mungkin sekali seumur hidup.

Sambil meminta rakyat memenuhi stadium tempat berlangsungnya KL '98, Perdana Menteri juga mahu semua pihak menganggap langkah kerajaan menjadi penganjur kejohanan sukan itu sebagai sesuatu yang amat penting bagi negara.

"Kita sudah membina stadium yang boleh menampung 100,000 penonton (Stadium Nasional Bukit Jalil)."

"Kita hendak penuhkan semua kerusi di stadium itu, terutama pada hari pembukaan," katanya ketika melancarkan Karnival Bangsar Sukan Komanwel XVI di sini, malam tadi. Lebih 5,000 rakyat membanjiri karnival itu.

Turut hadir di majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Paduka Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Setiausaha Parlimennya, Datuk Shahrizat Mohd Jalil.

Karnival terbesar itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Belia dan Sukan; Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai, Majlis Perniagaan Bangsar Baru dan Persatuan-Persatuan Penduduk Zon Bangsar di pusat komersil Bangsar.

Di majlis itu, wakil 26 syarikat menyerahkan replika cek semuanya berjumlah RM530,340 untuk membeli tiket KL '98.

(END)